



NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA
No. Sebut Harga : **PPj/SH(S)/JB/54/2024**

Tajuk Sebut Harga:

**KERJA-KERJA PEMBINAAN TEMPAT LETAK KERETA SEMENTARA DI ATAS PLOT 4T2,
TAMAN PUNCAK PUTERI, PRESINT 4, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan mempunyai **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja di dalam **Gred G3: Kategori CE Pengkhususan CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam)** dan masih dibenarkan untuk menyertai sebut harga pada masa ini.
2. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan akan diadakan pada **20 JUN 2024 (KHAMIS), JAM 10.00 PAGI** di **Bilik Mesyuarat Cemara, Aras C5, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya**. Kehadiran **pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK** adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil PPK, SPKK dan STB** berserta **Cap Syarikat**.
3. Dokumen sebut harga hanya boleh dibeli bermula **20 JUN 2024 (KHAMIS)** hingga **25 JUN 2024 (SELASA)** oleh wakil syarikat yang sah sahaja dengan bayaran secara tunai berjumlah **RM50.00** di **Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**.
4. Wakil syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK dan **satu (1) Salinan Sijil PPK, SPKK dan STB** bagi urusan pembelian dokumen.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang dikhaskan di tempat yang ditetapkan seperti yang tertera di para 3 sebelum jam **12.00 tengah hari pada 28 JUN 2024 (JUMAAT)**.
6. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Jabatan Kewangan, Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat spp@ppj.gov.my
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

(Ir. MARZUKI BIN ABDULLAH)

Naib Presiden
Jabatan Kejuruteraan dan Penyelenggaraan
Perbadanan Putrajaya